

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1122112/gaji-minimum-usaha-kerajaan-tampung-kenaikan-inflasi>

Gaji minimum usaha kerajaan tampung kenaikan inflasi



Rafizi pada Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga Kementerian Ekonomi di Putrajaya, hari ini

PUTRAJAYA: Inflasi adalah faktor yang tidak boleh dielakkan dalam mana-mana ekonomi, namun ia dapat ditampung dan diseimbangkan dengan kenaikan gaji yang setimpal, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, perkara yang paling utama adalah kerajaan mahu memastikan kadar inflasi berada pada tahap yang baik iaitu di dalam lingkungan dua peratus.

"Cuma yang penting adalah inflasi itu dapat ditampung dengan kenaikan gaji yang setimpal dengan nilai kerja dan juga kenaikan harga barang.

"Apa yang berlaku sekarang ini ialah kenaikan gaji itu dilihat tidak mampu menanggung kenaikan harga barang, jadi fokus kami ketika ini adalah untuk memastikan kenaikan gaji dapat menampung kenaikan inflasi," katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Perjumpaan Menteri Ekonomi bersama warga Kementerian Ekonomi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian semasa ditanya mengenai kesan pelaksanaan gaji minimum RM1,500 yang berkuat kuasa kepada semua majikan mulai 1 Julai lalu.

Rafizi bagaimanapun mengakui bahawa pelaksanaan gaji minimum kepada pekerja di semua sektor termasuk majikan yang mempunyai kurang lima pekerja berpotensi untuk menaikkan sedikit kadar inflasi negara.

Beliau menegaskan, kerajaan menyedari risiko berkenaan kerana semasa keputusan melaksanakannya diambil, unjuran sudahpun dibuat.

Katanya, pelaksanaan sepenuhnya gaji minimum dibuat dalam keadaan trend inflasi semakin mereda dan sudah turun sembilan bulan berturut-turut dengan kadar inflasi pada Mei lalu, iaitu 2.8 peratus adalah paling rendah dalam tempoh setahun.

"Justeru, di sinilah keseimbangan perlu dibuat, jika tidak soal gaji tidak akan selesai sampai bila-bila kerana setiap kali hendak naikkan gaji, akan ada yang kata ia boleh menaikkan harga (barang), perniagaan tidak boleh jalan, tetapi pada masa sama pekerja akan terus mengadu gaji tidak mencukupi, kos sara hidup tinggi dan sebagainya. Jadi, sebagai kerajaan kita perlu menyeimbangkan situasi ini.

"Keseimbangan itu adalah dengan memastikan kita ada kenaikan gaji secara beransur-ansur dengan sebahagiannya melalui gaji minimum dan kita harap sebahagiannya juga melalui dasar gaji progresif yang akan dibentangkan nanti, itu akan boleh mengimbangi walaupun ada risiko inflasi," katanya.